

## Pengenalan

Peralatan warisan merupakan nilai yang amat berharga serta diwarisi semenjak berabad lamanya dalam sesebuah masyarakat dan peradaban. Peralatan warisan ini wujud dalam pelbagai bidang yang merangkumi peralatan pertanian, perikanan, peralatan dapur, pertukangan, perkahwinan, kematian dan sebagainya. Kampung Gedong yang didiami oleh majoriti masyarakat Melayu banyak menyimpan peralatan warisan yang menggambarkan nilai dan citra masyarakatnya.

Dalam bab ini, peralatan warisan yang diperolehi daripada masyarakat Gedong sejak dari zaman dahulu lagi. Peralatan warisan pertanian seperti *nyanyi*, *takin*, *nyiruk*, parang *lengkok* dan sebagainya masih digunakan sehingga ke hari ini. Dalam bidang pertukangan, peralatan warisan masyarakat mereka seperti *bor*, *cerabot*, gergaji papan dan sebagainya juga masih digunakan. Walaupun demikian, terdapat beberapa peralatan pertukangan ini yang tidak digunakan lagi kerana telah digantikan dengan peralatan yang lebih moden. Kebanyakan peralatan pertukangan tradisional hanya digunakan untuk tujuan sara diri sahaja dan bukan untuk komersial.

Namun demikian, peralatan warisan dalam masyarakat Gedong khususnya dalam berbentuk tembikar kebanyakannya telah diserahkan kepada Muzium Sarawak.

Peralatan seperti bintang, peti besi, *kebok*, *tajo*, gelang *akar ba* dan sebagainya memberi nilai sentimental khususnya yang berkaitan dengan sejarah penemuan, asal usul dan hubungan diplomatik masyarakat.



## Budaya dan Warisan Gedong

Sebagai sebuah kampung tradisi, Gedong tidak sunyi daripada mengamalkan cara hidup atau budaya dan warisan yang tersendiri. Budaya dan warisan ini pada peringkat awalnya dijaga dengan rapi untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan aman. Namun disebabkan pengaruh semasa dan agama Islam, banyak amalan tradisi telah terpinggir dan ada sebahagiannya ditinggalkan oleh masyarakat Gedong. Hal ini, adalah untuk memastikan agama Islam yang telah dianuti oleh penduduk Gedong terus terpelihara kesuciannya.

Ditambahkan lagi, terdapatnya anak Gedong berkelulusan agama telah kembali semula ke kampung dengan membawa seberkas kefahaman yang lebih mendalam berkenaan ajaran agama Islam, sedikit sebanyak telah merubah pemikiran masyarakat kampung ke arah amalan Islam yang sebenar. Antaranya anak Gedong yang dimaksudkan ialah Allahyaharmah Ustazah Zaiton binti Bujang Pit, lulusan daripada Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, dan Dr. Hazami bin Jahari (sekadar menyebut beberapa nama) bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SHOAW), Matang Kuching. Bahkan pada lewat 1980-an sebuah sekolah agama pernah dibina di Gedong oleh kerajaan. Namun, sekolah ini telah dipindahkan ke Matang menjadi SMK Agama Matang, Kuching.

Perlu diketahui bahawa banyak amalan tradisi masyarakat Gedong merupakan pengaruh daripada agama Hindu dan amalan animisme yang diwarisi daripada nenek moyang terdahulu. Antaranya membina 'ancak' untuk menghalau hantu dan syaitan. Ancak-ancak ini sering kelihatan di sekitar Ujud Bungin pada suatu ketika dahulu. Hal ini menurut kepercayaan masyarakat Gedong di kawasan Ujud Bungin ketika dahulu dikatakan merupakan sebuah kawasan yang banyak hantu dan syaitan berkeliaran. Ancak juga sering kelihatan di sekitar kubur muara Gedong dan di tempat-tempat lain yang memang digeruni oleh penduduk Gedong ketika itu. Hari ini amalan menghantar ancak untuk memberi makan hantu tidak diamalkan lagi oleh masyarakat Gedong disebabkan pemahaman agama Islam yang lebih mendalam dalam kalangan masyarakatnya.

Di samping itu, antara amalan animisme yang amat ketara yang masih diamalkan pada lewat tahun 1950-an adalah meletakkan daun pokok terap yang diconteng

dengan kapur persis merupai orang di bawah rumah orang yang baru bersalin. Tujuannya adalah untuk menghalau syaitan dan iblis daripada mengganggu bayi yang baru lahir dan menjauh ibunya diganggu hantu. Hari ini amalan ini tidak diamalkan lagi, ditambahkan pula perkhidmatan jururawat dan pembantu perubatan sudah mula disalurkan ke kampung-kampung menyebabkan amalan ini semakin dilupakan oleh masyarakat Gedong.

Pelangi atau "anak raja" adalah fenomena cuaca yang sangat menakutkan orang kampung pada ketika dahulu. Anak-anak kecil tidak dibenar menunjuk dengan jari "anak raja" itu. Jika dilakukan juga, mereka akan kehilangan anak jari. Menurut kepercayaan masyarakat Gedong dahulu, pelangi itu adalah "anak raja" yang turun mandi. Apabila pelangi atau "anak raja" sedang berlaku, anak-anak kecil akan dipanggil balik ke rumah dan dilarang bermain di luar ketika hujan panas dipercayai "anak raja" itu sedang menyangkan dirinya. Kalau terpaksa berada di luar juga hendaklah menyelit daun kecil di telinga supaya tidak kelihatan oleh "anak raja" itu sambil melafazkan "tabik datuk" cucu sedang berjalan. Perbuatan seperti itu adalah untuk mengelak daripada diserang penyakit seperti penyakit hujan panas atau limpasan hantu.

Selain itu, anak-anak lelaki pula dilarang memanjat pokok pisang kerana ditakuti diserang penyakit burut. Malah, anak-anak dara pula dilarang menyanyi di dapur ditakuti bertemu jodoh dengan orang tua. Demikianlah antara adat resam dan budaya orang-orang Gedong pada zaman dulu.

### Adat Nikah Kahwin

Sebagai penduduk yang beragama Islam dan mewarisi cara hidup berkampung yang sangat unik, adat nikah kahwin adalah antara adat istiadat yang sangat dijaga oleh penduduknya. Adat bermula dengan merisik atau "memasang jarum-jarum" oleh pihak lelaki yang berkenan dengan anak dara yang diminatinya. Rombongan yang dilantik untuk merisik ini biasanya adalah terdiri daripada seorang sahaja ahli keluarga yang terdekat. Hal ini adalah untuk mengelak pihak lelaki mendapat malu seandainya pinangannya ditolak.

Apabila sudah pasti si dara tiada empunya dan bersetuju untuk dipinang, maka pihak lelaki akan menghantar rombongan untuk meminang. Biasanya hantaran terdiri daripada sedikit wang ringgit sebagai "pembuka mulut"

(RM5.00), tanda bertunang dengan sebetuk cincin, dan hantaran lain seperti sepasang baju dan sebagainya. Hebat atau meriahnya rombongan atau banyaknya barang hantaran bergantung kepada status keluarga si lelaki. Biasanya pada hari pertunangan itu diadakan majlis zikir marhaban dan doa selamat, dan malamnya pula diikuti dengan majlis temasya bergendang. Gedong pernah melahirkan ramai syeh gendang yang agak popular. Antaranya (sekadar menyebut beberapa nama) ialah Dayang Saadiah binti Abg Shamsuddin (ibu kepada Yang Berhormat Naroden), Dayang Ipoi binti Abg Shamsuddin (ibu kepada Ahmad Sabu), Dayang Pen binti Abg Mohamad dan ramai lagi yang lain.

Apabila tali pertunangan sudah termaterai barulah si gadis itu boleh dibawa *berambek* ke rumah bakal suaminya untuk semalam dua sebagai usaha untuk mengenali ahli keluarga bakal suami mengetahui akal budi bakal menantu. Usik-mengusik dengan pantun-pantun membuatkan anak dara itu tersipu malu. Antaranya ialah:

*Anak bekut terkunang-kunang,  
Kunanglah dari ke dalam buluh;  
Apa takut tidur dengan tunang,  
Tunang memberi paun sepuluh.*

*Burung pipit makan di tangga,  
Lalu dipatuk si burung puyuh;  
Sejak juak tunangku ada,  
Rumah kamek berkacoh riuh.*

Setelah sekian lama bertunang dan wang yang mencukupi, majlis pernikahan akan dilaksanakan. Wang hantaran pihak lelaki digunakan untuk membeli kelengkapan perkahwinan seperti kelambu, katil, tilam, bantal dan sebagainya. Seminggu sebelum majlis perkahwinan itu diadakan, majlis menggantung kelambu pun diadakan di rumah pengantin perempuan. Biasanya diiringi dengan doa selamat yang dibaca oleh ketua keluarga atau tok imam kampung. Selepas itu, pada malamnya pula diadakan temasya bergendang sebagai makluman kepada anak-anak bujang dalam kampung itu bahawa majlis pernikahan dan persandingan akan diadakan tidak lama lagi. Semua jiran dan sahabat handai dalam kampung akan dijemput atau diseru untuk *pengilan* (menghadiri panggilan) pada majlis pernikahan dan persandingan itu nanti.

Pada majlis persandingan “pak pengantin” akan diarak ke rumah pengantin perempuan oleh saudara-mara dan rakan taulannya. Kadang-kadang dibina perahu olok-olok dan dihias dengan daun kelapa atau daun pisang, dan ditarik ke rumah pengantin perempuan. Dimeriahkan lagi dengan pukulan kompang bunyinya seluruh kampung. Di halaman rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan disambut dengan pencak silat oleh pihak sebelah perempuan dengan membawa pedang untuk disambut wakil sebelah lelaki. Sekiranya pedang tidak ada, maka sebilah kapak akan disediakan. Berlakulah pencak silat antara wakil lelaki dan wakil perempuan. Pencak silat antara wakil kedua-dua belah pengantin kadangkala menjadi lebih meriah apabila pihak masing-masing tidak mahu menyerah kalah, dan boleh berakhir dengan pergaduhan.

Sewaktu bersanding, selain adat tepung tawar kedua-dua mempelai, acara itu turut diselitkan nyanyian lagu tepung tawar. Bait-bait lagu itu mengusik kedua-dua mempelai dengan lucunya.

*Tepung tawar, tepung jati  
Tepung asal mula menjadi  
Mudah-mudahan kekal abadi  
Hidup bersama sampai ke mati*

*Tepung tawar tepung jati  
Tepung direnjis dengan mawar  
Bila dapat anak nanti  
Akan menghilai gelak dan tawa*

*Tepung tawar tepung jati  
Tepung wangi dipohon buluh  
Jangan takut tidur dengan laki  
Kelaknya meri paun sepuluh*

*Tepung tawar tepung jati  
Tepung asal mula menjadi  
Jangan takut berguro ngan laki  
Kelak gembira sampai ke mati.*

Hadirin yang hadir akan bersorak gembira dan menggamatkan lagi suasana majlis perkahwinan tersebut.

Biasanya selepas persandingan diadakan, adat makan nasi temuan antara dua orang mempelai akan diadakan. Adat makan pertemuan ini adalah simbolik pertama kali

makan bersama sebagai suami isteri. Acara ini akan disaksikan oleh kaum kerabat dan sahabat handai. Sewaktu makan nasi temuan ini, kedua-dua pengantin baru akan berebut mengambil makanan untuk disuap ke mulut sendiri apabila mak andam membuka tudung saji.

Pada malam selepas persandingan, akan diadakan majlis bergendang untuk menghiburkan golongan muda yang datang bertandang dan yang membantu bergotong-royong menjayakan majlis perkahwinan itu. Dalam majlis bergendang itulah biasanya anak teruna dara akan mengambil peluang melihat bakal calon suami atau isteri masing-masing nanti. Hal ini adalah disebabkan pada masa dulu sangat payah untuk melihat anak-anak gadis Gedong akibat dijaga dan dengan rapi oleh ibu bapa mereka.

Pada hari ketiga atau ketujuh selepas persandingan tersebut, pengantin perempuan akan bertandang ke rumah ibu bapa mertuanya sebagai usaha untuk menseserikan pengantin dengan keluarga suaminya. Sekali lagi majlis tepung tawar dan doa selamat diadakan, dan diikuti termasya bergendang di rumah sebelah lelaki. Jika pengantin lelaki akan pergi jauh selepas perkahwinan tersebut, pengantin lelaki tersebut akan dibawa menyeberang sungai sebanyak tiga atau tujuh kali seperti orang mengerjakan ibadah saie, atau turun naik tangga rumah bersama pengantin perempuan sebanyak tujuh kali mana-mana yang sesuai.

Selepas bersanding selama tujuh hari pengantin lelaki dan perempuan tidak dibenar masuk hutan atau menyeberang sungai takut-takut terkena bencana atau mala petaka. Jika hendak pergi jauh juga dalam masa tujuh hari selepas bersanding itu maka "peraja" atau alat-alat mandi dan perhiasan pengantin perempuan hendaklah dihanyutkan supaya selamat dalam perjalanan jauh itu.

Adat "nikah salah" juga sering berlaku di Gedong. Nikah salah ini diadakan apabila anak teruna dara dijumpai berdua-dua tanpa hadirnya orang ketiga dalam pertemuan mereka. Kadangkala apabila berlakunya pemberian barang tanpa diketahui oleh ibu bapa seperti sapu tangan, kuih-muih, cincin atau surat cinta, maka perbuatan sedemikian telah melanggar adat resam masyarakat kampung. Mereka akan "ditekan salah" dan mesti berkahwin. Adakalanya berlaku peristiwa anak dara atau teruna "menyerah diri" atau "membawa bungkus" ke rumah ibu bapa si lelaki atau perempuan. Ibu bapa terpaksa melangsungkan perkahwinan tanpa dirancang untuk menjaga nama baik keluarga.

Hari ini nikah salah tidak kedengaran lagi berlaku dalam kalangan masyarakat di Gedong.

### **Nama-Nama Anak**

Pada masa dahulu, masyarakat Gedong mengamalkan budaya mudah dalam menamakan anak yang baharu dilahirkan. Bayi akan diqamat dan diazankan diadakan majlis ringkas cukur rambut anak sebulan dua selepas itu, tapi mereka terlalu santai dalam memberi nama bayi tersebut. Kadangkala bayi diberi nama yang agak pelik dan mengikut peristiwa yang berlaku sewaktu proses kelahiran itu.

Maka timbulkah nama-nama pelik seperti Dawek, Intai, Mondol, Mondot, Lelek, Maerat, Tobat, Kijang, Toman, Tupei, Ngayak, Bot, Amban, Uncak, Ate, Ipoi, Ayan, Elok, Tui, Atak, Sirei dan lainnya. Penulis tidak dapat memastikan bagaimana nama-nama yang ganjil seperti diperoleh oleh generasi terdahulu dalam memberi nama seseorang anak, tapi itulah keistimewaan masyarakat Gedong. Selain daripada itu, masyarakat Gedong juga amat menyukai menamakan anak lelaki dengan panggilan "bujang" sehingga terdapat ramai anak-anak Gedong yang mempunyai nama yang sama iaitu "bujang". Nama "bujang" merupakan nama timangan untuk anak lelaki, dan "dara atau ara" merupakan nama timangan untuk anak perempuan. Untuk mengenal pasti dan membezakan di antara bujang-bujang itu maka nama lain turut mengikuti nama bujang itu. Sekadar menyebut beberapa nama seperti Bujang Pit, Bujang Cap, Bujang Jana, Bujang Jeragan, Bujang Mayah, Bujang Suntat, Bujang Kalok, Bujang Untut, Bujang Bareng, Bujang Maskopah dan lainnya. Hari ini nama-nama seperti itu sudah jarang didengari dalam kalangan anak-anak Gedong, dan ramai ibu bapa generasi muda Gedong lebih menyukai memberi nama mengikut nama-nama Islam lainnya.

### **Perubatan Tradisional**

Kejauhan Gedong pada masa dulu menjadikan orang-orang yang sakit payah untuk mendapat rawatan sewajarnya. Kolera dan batuk kering (TB) saban tahun menyerang Gedong akibat tiada air bersih atau dirawat khasnya pada musim kemarau atau 'musim legak'. Perigi menjadi kering dan air sungai Sadong menjadi keruh. Air hujan yang disimpan dalam tempayan kehabisan. Tiada pilihan lain daripada menggunakan air sungai Sadong saban hari,

dijernihkan di dalam tong berminggu-minggu sebelum diminum. Maka penyakit kulit seperti kudis, gatal, kurap merupakan penyakit biasa. Hidrasi sering berlaku akibat kekurangan air. Hal ini adalah disebabkan air sungai yang keruh dan *pante* sungai Sadong itu yang saban hari tempat anak-anak bermandi-manda sambil menunggu *benak*. Hal ini menyebabkan ramai menghidap penyakit gatal kulit dan kudis.

Tanpa adanya klinik kesihatan desa apatah lagi pegawai perubatan, maka muncullah pengamal perubatan tradisional yang dipanggil bomoh atau tuk dukun dalam kalangan masyarakat Gedong. Mereka muncul di tengah-tengah masyarakat akibat keperluan mencari seseorang yang boleh mengubat penyakit yang melanda penduduk. Sekadar menyebut beberapa nama Haji Unus bin Teng dan Haji Hanapi merupakan dukun terkenal lewat tahun 1960-an. Mereka mengubat dengan jampi serapah dan diselitkan dengan ayat-ayat al-Quran.

Penyakit malaria, jaundis, buah pinggang dan lainnya sudah lama menular dalam kalangan penduduk kampung. Tapi kejahilan mengetahui puncanya mengakibatkan timbul kepercayaan bahawa penyakit-penyakit ini disebabkan oleh makhluk halus seperti gangguan hantu dan syaitan. Maka untuk menghalau makhluk ini dibina ancak dalam sebuah bekas yang diperbuat daripada daun mengkuang ataupun buluh dan diisi makanan seperti bertih jagung, telur dan lainnya sebagai makanan dan persembahan kepada penunggu dan hantu itu. Ada jampi serapah dan seruan dilafazkan ketika menggantung ancak ini seperti berikut:

*Tabik datuk,  
Tuk anak cucu datang,  
Ngemba hadiah makanan datuk,  
Tolong jaga, tolong lihat  
Tolong dindin, tolong lindung sakit penin,  
Tolong nyah segala penyakit,  
Tolong buru (halau) suku sakit,  
Jangan ganggu anak cucu.  
Sak, dua, tiga ....  
Hah,  
Pergi jauh-jauh  
Berkat doa Saidina Ali  
Lindung dan jaga kami setiap hari.*

Ancak biasanya digantung di kawasan Ujud Bungin muara Gedong, atau di tepi hutan rimba seandainya hendak

membuka tanah baharu untuk berhuma di sekitar Lubuk Jenguk, Lubuk Ipoi, Tanjung Putat dan lainnya.

### Aktiviti Riadah

Pada masa dulu anak-anak muda Gedong sangat kreatif dalam mencipta pelbagai permainan untuk mengisi masa lapang. Permainan ini dijalankan mengikut aktiviti dan kesesuaian masa dengan alam sekeliling. Musim *benak* membesar biasanya apabila bulan penuh dari 10 hingga 15 haribulan Hijrah, mereka akan bermain atau berlumba *benak* dengan perahu *jompong* (perahu kecil) kayuhan seorang dua, atau dengan papan luncur buatan sendiri. Walaupun tiada pertandingan diadakan secara rasmi nama-nama seperti Abong (Jerawi bin Jemat), Asau, Pani bin Pawi, Ayan bin Ghani, sekadar mengingat beberapa nama, adalah antara nama-nama besar ketika itu dalam lumba *benak*. Tidak ramai yang berani melawan fenomena alam semula jadi yang agak aneh ini, tapi merekalah antara jaguh yang tidak didendang, yang menghiburkan anak-anak kampung yang berpusu-pusu dan berhimpit-himpit di tebingan sungai Sadong untuk menyaksi gelagat dan keberanian mereka meluncur bersama *benak* yang ganas mengalun ombak air memudik sungai Sadong itu. Hari ini tiada lagi kelihatan anak-anak muda kampung yang melawan ombak *benak*. Mereka hanya menyaksikan ombak *benak* itu menyusuri sungai Sadong dengan pemandangan yang terkunang-kunang dan terpinga-pinga tanpa menyedari bahawa *benak* itulah yang dilumba generasi sebelum mereka dengan berani dan megahnya. Mungkin baik sekiranya lumba *benak* di Sungai Sadong ini diuar-uarkan dengan meluasnya untuk menarik pelawat dan pelancong ke Gedong seperti apa yang dilakukan dengan lumba *benak* di Batang Lupar, Sri Aman yang kini sudah menjadi pesta penting tahunan dalam kalender pelancongan Sarawak, dan menjadi tarikan antarabangsa.

Satu lagi permainan popular saban hari ketika air surut adalah "main luncur *pante*" dengan papan. Permainan ini sangat menarik persis permainan luncur ais pada musim sejuk di benua Eropah. Lokasi menarik untuk permainan ini di kawasan tebingan dekat Ujud Bungin. Jaguh yang tidak didendang yang sering menggamatkan lumba luncur *pante* itu pada masa dulu ialah Zamhari Mostapha, dua orang beradik Ina dan Ini Haji Usop, Ramli Marsat, Tobat Omar, Sidi bin Oje, Mawi bin Pawi sekadar menyebut beberapa

nama. Merekalah yang sering memenuhi masa lapang dengan bermain leluncur papan di *pante* tepian tebingan sungai dewasa itu. Buaya-buaya yang kelihatan berjemur di atas bungen dan di tebingan sungai berseberangan tebing tempat mereka bermain itu langsung tidak membuat mereka panik, kerana mereka sudah sehati dan serasi dengan kehadiran masing-masing. Akibat berjemur dan leka bermain *pante* dengan leluncur itu bau mereka bukan main *lantuh* (hanyir), sehanzir buaya yang berjemur malas dengan mulut ternganga-nganga besar di seberang sungai itu.

Permainan lain yang agak popular juga adalah bermain *peletop* atau senapang bambu yang pelurunya diperbuat daripada kertas yang dibasahkan atau dengan buah tarum (buah liar yang bulat persis peluru). Permainan gasing biasanya dimainkan pada musim padi bunting, kononnya untuk memecah bunting padi supaya cepat *mengure* atau mengeluarkan tangkai dan buah. Permainan *wo* atau wau biasanya diadakan pada musim mengangin padi, selepas menuai padi. Permainan guli, main *tengko* dan *kempet* serta main *rondes* merupakan permainan lain yang tidak kurang popularnya dalam kalangan anak-anak Gedong masa dahulu. Dengan permainan itu masa sengang yang panjang berlalu dengan begitu pantas di kampung pada masa itu. Namun kreativiti mereka mencipta pelbagai permainan untuk mengisi masa lapang yang menyeronokkan, membuat masa berlalu begitu cepat meninggalkan zaman kanak-kanak lewat tahun 1950-an dan 1960-an.

### Aktiviti Kebudayaan dan Keagamaan

Sebagai sebuah perkampungan awal yang telah wujud dengan kehidupan bermasyarakat buat sekian lama, penduduk Gedong tidak sunyi dengan pelbagai kebudayaan dan aktiviti keagamaan yang unik dan menarik. Aktiviti bergendang adalah antara aktiviti yang popular sehingga lewat tahun 1970-an. Bahkan, Gedong pernah melahirkan *syeh-syeh* gendang yang terkenal. Antaranya ialah Dayang Saadiah dan kakaknya Dayang Epoi binti Shamsuddin, dan Dayang Pen binti Muhamad sekadar menyebut beberapa nama. Budaya bergendang juga diadakan untuk majlis mencukur rambut bayi, majlis pertunangan, majlis berkhatan (atau bersunat), majlis doa selamat dan lainnya. Bahkan pada tahun-tahun 1960-an dan 1970-an orang Gedong juga mengadakan majlis bergendang untuk meraikan anak-anak mereka yang lulus peperiksaan *Common Entrance* untuk

masuk sekolah menengah di Simunjan. Hari ini budaya bergendang ini walaupun sekali-sekala diadakan tidaklah semeriah pada tahun 1950-an dan 1960-an.

Budaya lain yang tidak kurang popularnya pada tahun 1950-an dan 1960-an adalah aktiviti mengemping padi. Pada musim menuai, waktu malamnya anak-anak dara akan menumbuk emping padi di kampung-kampung. Bunyi lagakan alu dan lesung ketika menumbuk emping itu akan menggamit para teruna untuk datang mengusik anak-anak gadis yang sedang menumbuk emping. Gelak tawa, gurau senda dan usik-mengusik antara mereka adalah pengalaman manis yang cukup romantis. Bukan sedikit yang berjumpa jodoh ketika mengusik gadis waktu mengemping ini. Bahkan senyuman manja yang bertukar ketika usik-mengusik kadangkala berkekalan hingga ke jinjang pelamin.

Masyarakat Gedong terkenal penghasilan emping yang enak dari padi jambi dan pulut. Daripada padi pulut, mereka menghasilkan emping *keretop* yang diuli dengan kelapa dan gula, rasanya cukup enak dan istimewa. Emping dari padi pulut atau *keretop* yang berulikan kelapa, adalah, resipi unggul masyarakat Gedong yang sukar diwarisi oleh kampung-kampung yang berdekatan seperti Kampung Gumpey dan Kampung Lubok Punggur.

Majlis berkhatan untuk kanak-kanak yang hampir baligh akan dimulakan dengan berendam di dalam sungai Sadong atau kadang-kadang dalam tong yang berisi air terlebih dahulu. Biasanya, proses berendam bermula selepas waktu subuh hingga matahari terbit. Apabila kanak-kanak tersebut sudah kesejukan barulah mereka diarak naik ke tebing diiringi pukulan kompang ataupun *hadrah*. Tok mudin yang sangat terkenal pada tahun 1950-an dan 1960-an ialah Abang Kedar bin Abang Kadir.

Apabila berlaku kematian, majlis tahlil akan diadakan pada hari pengebumian, hari ketiga, hari ketujuh, hari ke-20, hari ke-40 dan hari ke-100. Manakala, hari hol pula diadakan setahun sekali.

Bagi sambutan Maulidur Rasul akan diadakan zikir maulud di setiap surau dan masjid di kampung berkenaan. Kini perayaan dan sambutan Maulidur Rasul ditambah lagi dengan perarakan Maulidur Rasul di sekeliling Kampung Gedong sebagai memulia dan memeriahkan lagi sambutan keputeraan Nabi Muhammad SAW.

Majlis khatam al-Quran diadakan sebagai meraikan budak-budak yang tamatnya belajar mengaji al-Quran

sehingga 30 juzuk. Mereka diarak serta diiringi paluan hadrah ataupun kompong sebelum duduk di atas pentas khas atau *panggur* sambil mengadap lebai untuk menyemak dan meneliti bacaan ayat al-Quran. Sanak saudara akan hadir dengan membawa *pulut telur* yang berwarna-warni sebagai hadiah dalam meraikan majlis tersebut. Selepas majlis, telur akan diagih kepada anak-anak, agar mereka juga mendapat rahmat setelah tamat mengaji al-Quran nanti. Majlis seperti ini masih disambut oleh penduduk Gedong dengan ringkas tetapi meriah.

### Aktiviti Menangkap Ikan

Pelbagai cara digunakan oleh masyarakat Gedong pada zaman dahulu untuk menangkap ikan. Aktiviti ini penting untuk menyara keluarga. Selain menangkap ikan dengan cara konvensional seperti *merae*, *menontang*, menjala, membubu, *membelat*, *mengempang*, *menyelambo* dan pelbagai lagi cara lain yang sememangnya sudah menjadi amalan orang yang tinggal di sepanjang sungai Sadong.

Ada beberapa cara menangkap ikan yang dilakukan oleh masyarakat Gedong yang unik dan tidak diamalkan di tempat lain. Selain menangguk *senik*, menangguk *bau* (sejenis anak ikan yang halus dan hadir dengan banyaknya pada musim *legak* atau kemarau) adalah aktiviti wanita di Gedong. Ikan *bau* ini cukup enak dimasak gulai ataupun cucur.

Pada musim *bau* "menjadi", wanita-wanita Gedong seperti berpesta untuk menangguknya. Hasil tangkapan dijadikan *kasam bau* untuk makanan pada musim berhuma. Cukup enak dimakan dengan beras baharu pada musim berhuma. Hari ini budaya menangguk *bau* sudah hampir hilang daripada aktiviti masyarakat Gedong. Hal ini disebabkan ikan *bau* semakin pupus dan tidak lagi muncul di sungai Sadong.

Aktiviti menangkap ikan yang tidak kurang uniknya ialah menangkap ikan *cangok* yang biasanya berlaku pada musim kemarau di hulu sungai Sadong, sekitar Merbau dan muara Bare. Pada musim kemarau air sungai berbau hanyir, ikan-ikan pun timbul seperti kena tuba. Udang, ikan *baong*, *bantak*, *buin*, *labang*, *toman*, *kiong*, *dungan* dan lainnya. Maka dengan mudahlah ikan-ikan ini *diseledok* atau dicacak dengan serampang. Ikan yang banyak ini akan disalai ataupun dikasam.

Pada musim tengkujuh, banyak ikan *nyaru* akan mudik

ke hulu untuk bertelur. Keadaan ini tidak ubah seperti ikan salmon yang mudik ke hulu sungai St. Lawrence untuk bertelur pada musim bunga di Kanada. Bezanya, ikan salmon akan mati selepas bertelur, ikan-ikan di hulu sungai Sadong khasnya ikan yang besar seperti ikan *labang*, *tapah* dan lainnya akan hadir dengan banyaknya memakan telur dan menangkap ikan yang kecil seperti ikan *bantak*, *buin* dan lainnya. Inilah masanya seperti berpesta untuk penduduk Gedong mudik ke hulu sungai Sadong untuk menangkap ikan. Akibat daripada aktiviti inilah akhirnya ada di antara orang Gedong membuka tanah di Merbau dan di Balai Ringin, dan mewujudkan perkampungan Melayu di tempat ini. Sekadar menyebut beberapa nama antara yang membuka tanah di Merbau ialah Abang Jemali bin Abdullah, Baha, Abang Mohamad bin Abg Shamsuddin, Abang Atoi bin Abg Mohamad dan lainnya. Di Balai Ringin antara mereka yang menetap di sana ialah Bujang Bareng dan keluarganya.

Satu lagi cara menangkap ikan yang agak unik di hulu sungai Sadong adalah dengan *meniruk*. *Tiruk* merupakan sejenis alat seperti serampang, tapi bermata satu. Matanya dipakukan pada gagang panjang yang diperbuat daripada kayu belian.

### **Bor**

*Bor* adalah alat pertukangan lama yang berfungsi untuk memudahkan kerja menebuk lubang pada permukaan kayu. Peralatan ini digunakan dalam pelbagai kerja pertukangan kayu seperti membina rumah, perahu, hulu parang dan sebagainya. *Bor* amat terkenal dalam kalangan masyarakat Gedong pada suatu masa dahulu terutamanya dalam urusan pertukangan.



**Foto 4.2** Hulu *bor* berbentuk bulat bagi memudahkan hulunya dipegang semasa kerja-kerja menebuk dilakukan. Selain itu, hulu *bor* juga boleh disandarkan ke bahu untuk menambahkan tekanan apabila kerja-kerja menebuk dinding.



**Foto 4.1** Mata *bor* diperbuat daripada besi yang ditajamkan.




**Foto 4.3** Bahagian tengah *bor* diperbuat daripada kayu belian sebagai pemutar pada mata *bor* semasa kerja menebuk permukaan kayu.



## Gergaji Papan

Gergaji papan diperbuat daripada besi yang digunakan untuk memotong kayu balak sejak tahun 1930-an.



**Cerebot/Pasak**



### **Cerebot/Pasak**

**Foto 4.4** Cerebot dikenali sebagai *pasak* yang diperbuat daripada kayu belian dan berbentuk bulat bagi menggantikan paku atau kayu keras. *Pasak* mempunyai ukur lilit setengah atau satu inci dan panjang dari empat hingga enam inci yang digunakan sebagai pengukuh bahan binaan seperti rumah, perahu, jambatan dan kapal.